



## SIARAN MEDIA

### JABATAN METEOROLOGI MALAYSIA KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

19 NOVEMBER 2018

---

#### **PENAFIAN PENGELUARAN AMARAN TSUNAMI BAGI JOHOR DAN PERSISIRAN PANTAI MALAYSIA PADA BULAN NOVEMBER DAN DISEMBER 2018**

---

Jabatan Meteorologi Malaysia (MMD) menafikan mesej tular di media sosial yang mendakwa berdasarkan amaran daripada MMD bermula pada bulan November dan Disember 2018 ini, dijangka akan berlaku tsunami di Johor dan persisiran pantai. Ingin ditegaskan bahawa MMD tidak ada mengeluarkan amaran tsunami seperti yang didakwa di dalam mesej tersebut. Selain itu, mesej tersebut juga mengandungi pelbagai kesalahan fakta seperti magnitud gempa bumi 12.3 skala Richter kerana magnitud gempa bumi yang maksimum adalah sehingga 10.0 skala Richter sahaja.

MMD juga ingin menjelaskan bahawa sehingga kini belum ada kaedah saintifik untuk meramal bila dan di mana akan berlaku gempa bumi. Oleh itu, amaran tsunami juga tidak dapat dikeluarkan sebelum suatu gempa bumi yang signifikan berlaku.

MMD selaku jabatan yang bertanggungjawab memantau kejadian gempa bumi di rantau ini akan mengeluarkan maklumat gempa bumi dan amaran tsunami sekiranya ia dijangka boleh mengancam kawasan pantai negara ini. Maklumat gempa bumi dan amaran tsunami yang dikeluarkan oleh MMD disalurkan kepada agensi pengurusan bencana, media dan orang awam melalui laman web [www.met.gov.my](http://www.met.gov.my), [mygempa.met.gov.my](http://mygempa.met.gov.my), aplikasi mobil myCuaca, Facebook: [malaysiamet](https://www.facebook.com/malaysiamet), Twitter: [malaysianmet](https://twitter.com/malaysianmet) serta saluran televisyen dan radio. Selain itu, orang ramai boleh juga menghubungi talian 03-7967 8066 (pusat operasi MMD) untuk mendapatkan maklumat terkini.

**Ketua Pengarah  
Jabatan Meteorologi Malaysia (MMD)  
Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar & Perubahan Iklim  
(MESTECC)**



[www.met.gov.my](http://www.met.gov.my)



myCuaca



[metmalaysia](https://www.instagram.com/metmalaysia)

RakanMET [rakanmet.met.gov.my](http://rakanmet.met.gov.my)



[mygempa.met.gov.my](http://mygempa.met.gov.my)



[@malaysiamet](https://www.facebook.com/malaysiamet)



[@malaysianmet](https://twitter.com/malaysianmet)



1-300-22-1638